

Malaysia dapat faedah projek jambatan darat Thai

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

BUKIT KAYU HITAM: Rancangan Thailand untuk membina pelabuhan dan jambatan darat yang bakal memendekkan perjalanan kargo hingga tidak perlu melalui Selat Melaka turut memberi faedah kepada negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rakan sejawatnya, Srettha Thavisin sendiri memberi komitmen untuk turut melibatkan Malaysia dalam projek berkenaan.

Projek melibatkan laluan sejauh 90 kilometer itu dijangka dapat memendekkan perjalanan menerusi laut selama empat hari dan kos dijimatkan sehingga 15 peratus antara Teluk Siam dan Laut Andaman.

Bersambung di muka 3



ANWAR Ibrahim bersalaman dengan Srettha Thavisin sebaik sahaja bertemu ketika mengadakan lawatan kerja ke negara jiran itu bagi melihat kemajuan projek jajaran jalan menghubungkan pusat pemeriksaan Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Sadao, Thailand, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI